

Modul Pilihan Bahasa dan Komunikasi Kem Musim Panas PPIB UMS

(Language and Communication Elective Module for the PPIB UMS Summer Camp)

Henry Bating¹, Noor Fadilah Dawi², Alice Alim³, Shakiratul Hanany Abd Rahman⁴,
Natalie Ann Gregory⁵, Bernadette Tobin⁶, Florina Jumil⁷

¹Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: hbating@ums.edu.my

²Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: noorfadilah@ums.edu.my

³Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: ecila@ums.edu.my

⁴Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: hanany@ums.edu.my

⁵Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: natalie@ums.edu.my

⁶Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: bernadette@ums.edu.my

⁷Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: florinaJD.olin@ums.edu.my

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Shakiratul Hanany Abd Rahman
(hanany@ums.edu.my)

KATA KUNCI:

Kem Musim Panas
Modul Bahasa dan Komunikasi
Generasi Z

KEYWORDS:

Summer Camp
Language and Communication
Module
Generation Z

Kajian ini membincangkan pembangunan Modul Pilihan Bahasa dan Komunikasi bagi Kem Musim Panas Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah (UMS). Modul ini ditawarkan kepada pelajar tempatan dan antarabangsa dengan fokus kepada pembelajaran bahasa Melayu, Inggeris dan Kadazandusun. Pembelajaran dijalankan secara imersif berasaskan budaya tempatan Sabah. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti output lanjutan berdasarkan pilihan pelajar serta memahami faktor-faktor yang mendorong pemilihan modul ini. Kajian menggunakan pendekatan kaedah campuran melibatkan tinjauan literatur, temu bual separa berstruktur dan soal selidik. Seramai 112 responden terdiri daripada pelajar institusi pengajian tinggi, Tingkatan Enam dan Tingkatan Lima memberikan maklum balas soal selidik. Majoriti pelajar merupakan warganegara Malaysia dan

CITATION:

Henry, B., Noor Fadilah, D., Alice, A., Shakiratul Hanany, A. R., Natalie Ann, G., Bernadette, T., & Florina, J. (2026). Modul Pilihan Bahasa dan Komunikasi Kem Musim Panas PPIB UMS. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 11(8), e003860.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v11i8.3860>

sebilangan kecil pelajar antarabangsa. Hasil kajian menunjukkan pelajar cenderung memilih bahan pembelajaran interaktif seperti aplikasi mudah alih, video, multimedia, senario kehidupan, buku poket dan e-buku. Modul ini menarik minat pelajar kerana penggabungan elemen budaya tempatan dan penggunaan teknologi yang sesuai dengan keperluan Generasi Z. Dapatan kajian menegaskan kepentingan integrasi teknologi dan budaya dalam pembangunan modul meningkatkan daya tarik Kem Musim Panas UMS selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 dalam memperkukuh penggunaan ICT dalam pendidikan. Kajian ini diharap dapat menjadi panduan kepada institusi pengajian tinggi dalam merancang program jangka pendek berimpak tinggi yang mampu meningkatkan kebolehpasaran dan keterlibatan pelajar.

ABSTRACT

This study presents the development of the Language and Communication Elective Module for the Summer Camp organised by the Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning (PPIB), Universiti Malaysia Sabah (UMS). Designed for both local and international students, the module offers immersive learning of Malay, English, and Kadazandusun languages while integrating elements of Sabah's cultural identity. The study aims to examine students' preferences for the module's content and delivery methods as well as the factors influencing their choices. Employing a mixed-methods research design, data were collected through a literature review, semi-structured interviews, and questionnaires. A total of 112 respondents participated, including tertiary students, Form Six, and Form Five students, with the majority being Malaysian citizens and a small proportion of international participants. The findings reveal a strong preference for interactive learning resources such as mobile applications, videos, multimedia, real-life scenarios, pocket-sized books, and e-books. The integration of technology and cultural content enhances the module's relevance and appeal, particularly for Generation Z learners. This study highlights the importance of designing culturally responsive and technology-driven educational programmes to strengthen engagement and learning outcomes. Additionally, the findings support the objectives of the Malaysia Education Blueprint (MEB) 2013–2025, particularly in promoting ICT integration in education. The study is expected to serve as a reference for higher education institutions in planning high-impact, short-term programmes that enhance both student engagement and employability, ultimately contributing to the internationalisation of language learning initiatives.

1. Pengenalan

Dalam landskap pendidikan tinggi yang semakin terbuka kepada mobiliti pelajar dan pertukaran budaya, program jangka pendek seperti Kem Musim Panas menjadi medium strategik untuk memperkukuh kemahiran bahasa dan komunikasi dalam kalangan pelajar tempatan dan antarabangsa. Modul yang ditawarkan dalam program ini bukan sahaja berfungsi sebagai alat pedagogi, tetapi juga sebagai ruang interaksi budaya yang memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar. Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengambil inisiatif membangunkan Modul Pilihan Bahasa dan Komunikasi yang menggabungkan pembelajaran bahasa Melayu, Inggeris dan Kadazandusun secara imersif berasaskan budaya tempatan Sabah. Pendekatan ini selari dengan aspirasi pendidikan kebangsaan yang menekankan integrasi teknologi dan nilai budaya dalam pembentukan modal insan yang holistik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Modul ini dirancang untuk memenuhi keperluan pelajar Generasi Z yang lebih cenderung kepada bahan pembelajaran digital dan interaktif, serta menekankan pengalaman pembelajaran yang bersifat sendiri dan kontekstual (Mohamed Nawi & Mohamad, 2024). Kajian ini dijalankan bagi menilai keberkesanan pendekatan tersebut serta mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan modul oleh pelajar.

1.1. Permasalahan Kajian

Institusi pengajian tinggi seperti Universiti Malaysia Sabah (UMS) berhadapan dengan cabaran untuk merancang program jangka pendek yang bukan sahaja menarik minat pelajar tempatan dan antarabangsa, tetapi juga relevan dengan keperluan semasa. Kem Musim Panas anjuran Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) UMS merupakan inisiatif yang bertujuan memperkukuh penguasaan bahasa dan komunikasi melalui pendekatan imersif berasaskan budaya tempatan Sabah. Namun, pembangunan modul yang sesuai dengan keperluan pelajar masa kini, khususnya Generasi Z, memerlukan pendekatan yang lebih inovatif dan responsif. Kajian menunjukkan bahawa pelajar masa kini lebih cenderung kepada bahan pembelajaran yang bersifat interaktif dan digital seperti aplikasi mudah alih, video, multimedia dan e-buku (Mohamed Nawi & Mohamad, 2024). Penggunaan teknologi multimedia terbukti dapat meningkatkan motivasi pelajar dan mengatasi kebosanan dalam pembelajaran bahasa (Ma'alip et al., 2025). Namun begitu, cabaran utama ialah memastikan integrasi teknologi ini benar-benar menyokong objektif pembelajaran dan tidak sekadar menjadi alat hiburan. Tambahan pula, pemilihan modul oleh pelajar dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk minat, kebolehpasaran bahasa, pengalaman pembelajaran yang ditawarkan serta kesesuaian dengan gaya pembelajaran mereka. Kajian Abdul Wahab et al. (2024) mendapati pelajar institusi pengajian tinggi awam memilih modul bahasa berdasarkan persepsi terhadap prestij dan keberkesanan bahasa tersebut dalam kerjaya dan komunikasi akademik.

Dalam konteks pembangunan modul untuk Kem Musim Panas, pendekatan teknologi perlu digabungkan dengan strategi pedagogi yang sesuai agar dapat memenuhi keperluan pelajar dari pelbagai latar belakang. Kajian Mohd Yusoff et al. (2023) menekankan kepentingan reka bentuk instruksional seperti Model ADDIE dalam membangunkan modul bahasa yang berkesan dan sesuai untuk pelajar asing di IPT Malaysia. Selain itu, pengalaman institusi seperti Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menunjukkan pelajar antarabangsa menghadapi cabaran dalam menguasai bahasa Melayu apabila persekitaran pembelajaran tidak menyokong penggunaan bahasa secara aktif. Oleh itu, modul yang dibangunkan perlu menyediakan pengalaman pembelajaran yang autentik

dan kontekstual (Tuah, 2018). Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menangani cabaran tersebut dengan membangunkan Modul Pilihan Bahasa dan Komunikasi yang bersifat imersif, interaktif dan berasaskan budaya tempatan Sabah, serta menilai faktor-faktor yang mendorong pemilihan modul oleh pelajar tempatan dan antarabangsa. Kajian ini juga menyokong agenda Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 dalam memperkukuh penggunaan ICT dalam pendidikan dan meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui program jangka pendek berimpak tinggi.

1.2. Objektif Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian di atas, maka kajian ini dijalankan untuk mengkaji dua objektif berikut:

- i. Mengenal pasti output lanjutan pilihan pelajar tempatan dan antarabangsa bagi modul 'Bahasa dan Komunikasi' Kem Musim Panas UMS.
- ii. Meninjau faktor-faktor yang mendorong pelajar memilih sesuatu modul 'Bahasa dan Komunikasi' Kem Musim Panas UMS.

2. Sorotan Literatur

Dalam era pendidikan tinggi yang semakin dipacu teknologi dan globalisasi, pembangunan modul pembelajaran bahasa dan komunikasi memerlukan pendekatan yang bersifat kontekstual, interaktif dan responsif terhadap keperluan pelajar masa kini. Program jangka pendek seperti Kem Musim Panas yang ditawarkan institusi pengajian tinggi bukan sahaja bertujuan memperkukuh penguasaan bahasa, tetapi juga berperanan sebagai platform pemerikasaan budaya dan keterlibatan pelajar secara holistik (Ma'arof et al., 2022).

Generasi Z, yang merupakan kumpulan sasaran utama dalam kajian ini, menunjukkan kecenderungan terhadap bahan pembelajaran yang bersifat digital dan mudah diakses. Kajian Daud et al. (2024) mendapati penguasaan teknologi dalam pengajaran Bahasa Melayu secara dalam talian memberi kesan positif terhadap kemahiran mendengar dan bertutur pelajar. Walaupun terdapat cabaran seperti kekurangan latihan dan kemahiran guru dalam penggunaan teknologi, dapatan menunjukkan bahawa integrasi teknologi mampu meningkatkan keberkesanan pengajaran jika dilaksanakan dengan strategi yang sesuai.

Tambahan pula, penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam pembelajaran bahasa telah menunjukkan potensi besar dalam meningkatkan kefahaman dan penguasaan kosa kata. Daud et al. (2024) melaporkan bahawa aplikasi seperti Duolingo dan ChatGPT digunakan secara meluas oleh pelajar asing untuk mempelajari bahasa Melayu. Namun begitu, cabaran seperti ketepatan maklumat dan kekurangan interaksi manusia masih wujud.

Faktor pilihan pelajar turut menjadi aspek penting dalam pembangunan modul. Abdul Wahab (2024) mendapati pelajar institusi pengajian tinggi awam memilih bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam domain pendidikan dan sosial, namun menganggap bahasa Inggeris sebagai lebih efektif untuk kerjaya. Ini menunjukkan bahawa pemilihan modul bahasa oleh pelajar dipengaruhi oleh persepsi terhadap kebolehpasaran dan fungsi bahasa dalam kehidupan mereka.

Dalam konteks integrasi budaya tempatan, kajian Muhd Zulkipli et al. (2025) menunjukkan bahawa elemen budaya seperti adat resam dan nilai tempatan yang diterapkan dalam kursus Bahasa Melayu Komunikasi berjaya meningkatkan minat dan kefahaman pelajar antarabangsa terhadap bahasa dan budaya Malaysia. Pengajaran yang menggabungkan elemen budaya tempatan dilihat lebih berkesan dalam membina pengalaman pembelajaran yang autentik dan bermakna.

Keberkesanan modul bahasa dalam program mobiliti pelajar antarabangsa turut dibuktikan oleh kajian Ma'arof et al. (2022) yang menunjukkan bahawa Modul Komunikasi Bahasa Melayu Antarabangsa tahap asas membantu pelajar menguasai bahasa Melayu dengan lebih berkesan. Modul yang dibina secara sistematik dapat membantu pelajar menguasai kemahiran asas bahasa seperti mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Penggunaan pendekatan multimedia interaktif juga semakin diterima. Ab Wahab et al. (2019) menunjukkan bahawa kursus Bahasa dan Media Interaktif di UiTM berjaya menghasilkan produk multimedia yang meningkatkan keberkesanan pembelajaran bahasa Melayu. Modul multimedia interaktif yang dibangunkan menggunakan pendekatan pembelajaran berasaskan senario juga terbukti berkesan dalam meningkatkan pemahaman pelajar terhadap isi kandungan kursus (Mohd Zaid & Mohamad, 2010).

Pendekatan imersif dalam pembelajaran bahasa turut mendapat perhatian. Anugerah Khas Menteri Pengajian Tinggi (AKRI) 2022 mengiktiraf pendekatan pembelajaran imersif sebagai kaedah yang memberi impak mendalam terhadap pencapaian pelajar. Pengalaman UNIMAS dalam mengajar Bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa menunjukkan bahawa minat dan komitmen pelajar memainkan peranan penting dalam kejayaan kursus bahasa Melayu sebagai bahasa asing (Tuah, 2018).

Kajian Ya'acob et al. (2025) pula menekankan bahawa persekitaran pembelajaran yang mengutamakan bahasa Inggeris menyukarkan pelajar antarabangsa untuk mengaplikasikan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian. Oleh itu, modul yang dibangunkan perlu menyediakan pengalaman pembelajaran yang autentik dan kontekstual agar pelajar dapat mengaplikasikan bahasa secara aktif.

Kajian Kamaruddin dan Mahamod (2022) menunjukkan bahawa pembangunan modul berasaskan pendekatan semantik dan pengajaran terbeza dapat membantu pelajar memahami simpulan bahasa dengan lebih baik. Melai et al. (2020) pula mendapati pelajar asing menghadapi kesukaran dalam aspek morfologi dan sintaksis bahasa Melayu, yang boleh diatasi dengan penggunaan teknologi.

Pendekatan berpusatkan pelajar dalam pengajaran Bahasa Melayu turut meningkatkan keterlibatan dan motivasi pelajar (Lambri & Mahamod, 2016). Strategi pembelajaran yang sesuai dapat membantu pelajar asing menguasai bahasa Melayu dengan lebih berkesan (Osman et al., 2018). Modul yang disusun mengikut tahap pembelajaran (asas, pertengahan, lanjutan) dapat memudahkan pelajar memahami bahasa Melayu secara berstruktur (Ma'arof et al., 2022).

Akhirnya, kajian Ab Wahab et al. (2019) menunjukkan bahawa pelajar lebih bersedia menghadapi pembelajaran apabila mereka mempunyai akses kepada modul multimedia yang fleksibel dan menarik. Ini selari dengan dapatan kajian semasa yang menegaskan

kepentingan integrasi teknologi dan budaya dalam pembangunan modul bagi meningkatkan daya tarikan program jangka pendek seperti Kem Musim Panas serta menyokong agenda Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025.

3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan deskriptif soal selidik Google Form untuk mengenal pasti keperluan pembelajaran pelajar antarabangsa Generasi Z. Google Form mengandungi item skala Likert dan soalan terbuka (Creswell & Plano, 2018). Data kuantitatif dianalisis secara statistik deskriptif menggunakan frekuensi, peratusan dan mod untuk mengenal pasti pola keperluan pembelajaran. Manakala data kualitatif yang diperoleh daripada temu bual soalan terbuka disintesis ke dalam tema integratif berkaitan teknologi dan pembelajaran berasaskan pengalaman. Pendekatan ini diambil untuk membolehkan analisis menyeluruh dapat dijalankan terhadap persepsi, tahap penguasaan bahasa dan keutamaan pembelajaran peserta (Andrade, 2006; Sawir et al., 2008). Temu bual dijalankan ke atas pelajar tempatan dan antarabangsa yang melibatkan pelajar UMS dan institusi lain di Kota Kinabalu, Sabah. Lokasi kajian ini dipilih berdasarkan demografi pelajar yang berasal dari pelbagai negeri di Malaysia dan pelajar antarabangsa dari pelbagai negara.

Bilangan responden yang menjawab soal selidik kajian ialah 112 pelajar. Dari keseluruhan responden itu, 101 merupakan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT), enam (6) Tingkatan Enam dan lima (5) Tingkatan Lima. Kewarganegaraan responden melibatkan 71.4 peratus warganegara Malaysia dari Sabah dan Sarawak, 16.1 peratus dari Semenanjung dan 12.5 peratus antarabangsa. Sebahagian besar responden antarabangsa berasal dari China (13), manakala Bangladesh (1). Kira-kira 95.6 peratus (106) responden terlibat memiliki tahap penguasaan bahasa Inggeris yang baik. Demikian juga, 88.3 peratus (99) responden memiliki penguasaan bahasa Melayu yang baik. Manakala 50 peratus (56) responden memiliki asas berbahasa Kadazandusun.

Soal selidik dibangun menggunakan format Google Forms untuk diedarkan kepada responden bagi mengumpul data dalam pelbagai bentuk. Data-data yang dikutip adalah berbentuk ringkasan automatik respons, visual carta dan graf untuk mengenal pasti trend dan pola. Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan pendekatan sistematik untuk menyusun dan mentafsir data. Selain itu, kajian ini juga menggunakan pendekatan temu bual separa berstruktur yang dijalankan secara atas talian. Temu bual ini memberi ruang kepada penyelidik untuk mengemukakan soalan yang telah ditetapkan, di samping membolehkan soalan susulan dikemukakan berdasarkan respons informan. Bagi memperoleh maklumat berkaitan jenis aktiviti, kesan terhadap pembelajaran dan pilihan pembelajaran, temu bual telah dijalankan dengan melibatkan seramai 15 orang informan.

Data temu bual separa berstruktur ini dianalisis secara tematik dan melibatkan tujuh tahap (Braun dan Clarke, 2013). Tujuh tahap analisis melibatkan transkripsi, pembacaan dan pembiasaan mencatat perkara berpotensi menarik, pengekodan lengkap merentas keseluruhan set data, mencari tema, menyemak tema dengan menghasilkan peta tematik merangkumi peta tema dan subtema serta hubungan antara keduanya, mentakrif dan menamakan tema, serta penulisan dalam memuktamadkan analisis.

Saiz sampel 112 responden untuk kajian kuantitatif ditentukan berdasarkan cadangan Hair et al. (2019) dan Creswell dan Creswell (2018) bahawa kajian tinjauan deskriptif memerlukan sekurang-kurangnya 100 responden sebagai mencukupi untuk analisis

statistik asas dan meningkatkan kebolehppercayaan dapatan. Bagi fasa kualitatif pula, seramai 15 informan dipilih secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Jumlah ini dianggap mencukupi kerana kajian kualitatif menekankan kedalaman data dan pencapaian titik ketepuan (*data saturation*), iaitu keadaan apabila data tambahan tidak lagi menghasilkan tema baharu yang signifikan (Guest, Bunce, and Johnson, 2006). Persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan dalam pemilihan responden dan informan kajian ini bagi membolehkan hanya peserta yang mempunyai pengalaman dan ciri paling relevan dengan fokus kajian dilibatkan. Pendekatan ini sesuai untuk memperoleh data mendalam dan kaya maklumat dalam konteks kajian kualitatif (Patton, 2002). Dalam pengumpulan data, kajian ini menekankan prinsip persetujuan termaklum (*informed consent*). Responden dan informan terlibat secara sukarela tanpa paksaan. Peserta diberikan penjelasan tentang tujuan kajian, kerahsiaan data dan hak menarik diri pada bila-bila masa sepanjang proses penyelidikan (Creswell and Creswell, 2018).

4. Hasil Kajian

Hasil analisis data menunjukkan 86.6 peratus (97) responden memilih modul pembelajaran berbentuk teks bercetak, buku kecil atau buku saku, senario kehidupan nyata 96.4 peratus (108) responden, bahan multimedia seperti video 95.5 peratus (107) responden, penggabungan aspek budaya tempatan Sabah 95.5 peratus (97) responden, Apps interaktif 95.5 peratus (107) responden, pembelajaran bahasa menerusi aplikasi 89.3 peratus (100) responden, penggunaan buku saku digital 97.3 peratus (109) responden, dan penggunaan bimbingan *e-book* 95.5 peratus (107) responden.

Manakala temu bual kajian tentang jenis aktiviti, kesan pembelajaran dan pilihan pembelajaran menerima maklum balas daripada 15 informan. Secara keseluruhan, pelajar cenderung memilih aktiviti pembelajaran yang 'praktikal, kolaboratif, kreatif, dan menyeronokkan'. Aktiviti seperti 'lakonan, projek video, penulisan kreatif, permainan bahasa, serta pembacaan berulang' bukan sahaja meningkatkan penguasaan tatabahasa dan kosa kata, tetapi juga membina 'keyakinan, kreativiti, motivasi, serta kemahiran lisan'. Jadual 1 di bawah menunjukkan modul pilihan pelajar dan faktor pemilihan setiap modul.

Jadual 1: Pilihan Modul dan Faktor Pemilihan

No	Modul	Faktor Pemilihan
1	Teks bercetak, buku kecil atau buku saku	Rujukan pantas dan mudah dibawa Buku saku menyimpan kosa kata baharu, tatabahasa ringkas, dan contoh ayat dalam lakonan atau aktiviti budaya. Pelajar dapat menyemak semula perkataan bila perlu, tanpa perlu membawa bahan tebal. Semasa menulis skrip atau membuat lakonan, pelajar boleh merujuk buku saku untuk memastikan ejaan, struktur ayat, dan kosa kata tepat. Mengukuhkan ingatan dan mengelak kesilapan berulang. Membantu penghafalan dan ingatan jangka panjang Dengan saiz kecil dan ringkas, buku saku sesuai untuk latihan berulang (<i>repetition</i>), misalnya

		membaca kuat secara bergilir atau mengulang kosa kata baharu. Memberi pelajar rujukan di luar kelas – semasa menunggu, dalam perjalanan, atau sebelum aktiviti berkumpul. Menghubungkan bahasa dengan budaya tempatan Memuat perkataan, frasa, dialog pendek yang relevan dengan budaya Sabah
2	Senario kehidupan nyata	Memberi konteks sebenar penggunaan bahasa. Membina keyakinan dan keberanian berbahasa. Memudahkan penguasaan kosa kata, tatabahasa, dan ingatan jangka panjang. Menyokong ekspresi diri dan kreativiti. Melatih sebutan, intonasi, dan kelancaran komunikasi.
3	Multimedia video	Melatih pertuturan dan sebutan perkataan dengan baik Memberi pelajar aktiviti simulasi dan lakonan pendek Pelajar menyukai tugas kreatif menggunakan canva, penulisan dan persembahan seni Menyediakan konteks visual dan realistik untuk penggunaan bahasa. Mengukuhkan pembelajaran kosa kata, tatabahasa, dan struktur ayat. Melatih sebutan, intonasi, dan ritma pertuturan. Membina keyakinan dan keberanian pelajar berbahasa. Proses belajar lebih interaktif, menyeronokkan, dan bermakna.
4	Aspek budaya tempatan Sabah	Memberi pelajar pengenalan bahasa tambahan Memperkaya kosakata dalam pertuturan multilingual Memberi pelajar pengalaman berkomunikasi tentang tradisi tempatan Mengadaptasi intonasi pertuturan tempatan Memberi konteks sebenar untuk penggunaan bahasa. Meningkatkan keyakinan, keberanian, dan kreativiti. Mengukuhkan tatabahasa, kosa kata, sebutan, dan intonasi. Proses belajar lebih menyeronokkan dan mudah diingat. Memberi pengalaman autentik yang menghubungkan bahasa dengan identiti budaya.
5	Aplikasi interaktif	Membantu proses mengingat struktur bahasa
6	Aplikasi	dengan lebih teratur
7	Buku saku digital	Meningkatkan penguasaan kosakata

8 *e-book*

Memberi peluang berbahasa dalam situasi sebenar dan praktikal.
 Membiasakan otak untuk berfikir lebih cepat dalam bahasa sasaran, menjadikan proses adaptasi lebih mudah.
 Membantu melatih kosa kata dalam situasi harian secara lebih realistik.
 Membaca kuat, berulang-ulang, serta berkomunikasi dalam situasi sebenar menambah keberanian dan keyakinan diri untuk bercakap di khalayak.
 Meningkatkan kefasihan dan keyakinan dalam berbahasa.
 Menyediakan pembelajaran yang interaktif, kreatif, dan menarik.
 Memberi ruang kolaborasi dan perkongsian idea secara aktif.
 Memberi pengalaman autentik yang menyerupai penggunaan bahasa dalam kehidupan sebenar.

Paparan data daripada Jadual 1 di atas menunjukkan setiap satu dari lapan (8) modul pilihan didukung oleh faktor-faktor pemilihan pemilihan pelajar berdasarkan jenis aktiviti, kesan pembelajaran dan pilihan pembelajaran. Modul teks bercetak, buku kecil atau buku saku didukung 10 faktor pemilihan, senario kehidupan nyata (5), multimedia video (8), aspek budaya tempatan Sabah (9), dan aplikasi interaktif, aplikasi, buku saku digital serta *e-book* (10).

5. Kesimpulan

Kajian ini mendapati, modul pilihan pelajar ialah teks bercetak, buku kecil atau buku saku, senario kehidupan nyata, multimedia seperti video, penggabungan aspek budaya tempatan Sabah, apps interaktif, buku saku digital, dan bimbingan *e-book*. Penggunaan modul-modul itu didasarkan kepada jenis aktiviti, kesan pembelajaran dan pilihan pembelajaran. Pelajar cenderung memilih jenis aktiviti pembelajaran yang praktikal, kolaboratif, kreatif, dan menyeronokkan. Kesan pembelajaran pula dicapai menerusi aktiviti lakonan, projek video, penulisan kreatif, permainan bahasa, serta pembacaan berulang. Manakala pilihan pembelajaran mengambil kira aspek peningkatan penguasaan tatabahasa dan kosa kata, yang menjadi asas pembinaan keyakinan diri, kreativiti, motivasi, dan kemahiran lisan.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Kajian ini telah dilaksanakan dengan mematuhi garis panduan etika penyelidikan yang ditetapkan oleh institusi berkenaan. Semua prosedur yang melibatkan peserta juga telah dijalankan secara beretika dan bertanggungjawab. Persetujuan untuk mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta sebelum pengumpulan data dijalankan.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada UMS atas dana geran yang diberikan, dan juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam kajian ini.

Kewangan

Kajian dan penerbitan ini menerima tajaan daripada Geran *Seed Money*, Universiti Malaysia Sabah [No. Geran: GSM2408]

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Ab. Wahab, A., Ahmad, A., & Saupi, N. D. (2019). Pengajaran dan latihan kursus bahasa dan media interaktif di Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam. *Journal of Modern Language and Applied Linguistics*, 3(4), 35–50. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/63613/>
- Abdul Wahab, M. K., & Ngadiman, D. W. T. (2024). Pilihan bahasa dalam kalangan mahasiswa di Pulau Pinang dalam domain keluarga dan pendidikan. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 14(2), 31–45. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v14i2.10482>
- Andrade, M. S. (2006). International students in English-speaking universities: Adjustment factors. *Journal of Research in International Education*, 5(2), 131–154. <https://doi.org/10.1177/1475240906065589>
- Braun, V., & Clarke, V. (2013). *Successful qualitative research: A practical guide for beginners*. London: SAGE Publications.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approach* (5th ed.). SAGE Publications.
- Creswell, J. W., & Plano Clark, V. L. (2018). *Designing and conducting mixed methods research* (3rd ed.). SAGE Publications.
- Daud, M. Z., Ismail, E., Mohd Azli, M. S., Omar, M. K. A.-R., Muhammad Jilli Asyraf, M. I. A., Mahmod, N. M., Mohamed Sultan, A. A. (2024). Perspektif mahasiswa Universiti Teknikal di Malaysia terhadap kecerdasan buatan (AI) sebagai pemudah cara menyiapkan tugas berbahasa Melayu. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 8(2), 183–198. <https://doi.org/10.11113/itlj.v8.168>
- Guest, G., Bunce, A., & Johnson, L. (2006). How many interviews are enough? An experiment with data saturation and variability. *Field Methods*, 18(1), 59–82. <https://doi.org/10.1177/1525822X05279903>
- Hair, J. F., Jr., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2019). *Multivariate data analysis* (8th ed.). Cengage Learning.
- Kamaruddin, N. S., & Mahamod, Z. (2022). Keperluan pembangunan modul pengajaran simpulan bahasa berasaskan pendekatan semantik inkuisitif dan pengajaran terbeza. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(1), 68–80. [ukm.my. https://spaj.ukm.my/jpbm](https://spaj.ukm.my/jpbm)

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025*. Putrajaya: KPM.
- Kementerian Pendidikan Tinggi. (2023). *Laporan tahunan Kementerian Pendidikan Tinggi 2022*. Kementerian Pendidikan Tinggi.
- Lambri, A., & Mahamood, Z. (2016). Pendekatan berpusatkan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu bagi membentuk kemahiran insaniah pelajar di Universiti Awam. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 7, 25–34. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1189>
- Ma'alip, H., Zakaria, K., Che Roza, C. H., & Zulkipli, N. A. (2022). Motivasi dan halangan bagi pelajar asing menguasai Bahasa Melayu melalui pembelajaran secara dalam talian di Universiti Teknologi Malaysia. *LSP International Journal*, 8, [artikel]. <https://doi.org/10.11113/lspi.v8.17945>
- Ma'arof, D. Z., Mamat, M., Md. Suhada, N. A., Ayup, S., & Mohamad, A. M. (2022). Keberkesanan silibus modul komunikasi Bahasa Melayu antarabangsa tahap asas sebagai strategi pembelajaran Bahasa Melayu. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 23(1), 1–20. <https://doi.org/10.17576/malim-2022-2301-01>.
- Melai, Z., & Abang Zainal Abidin, D. N. (2020). Pengajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing: Analisis pola kesalahan tatabahasa dalam penulisan. *Issues in Language Studies*, 9(1), 86–106. <https://doi.org/10.33736/ils.2351.2020>
- Mohamed Nawi, N. M., & Mohamad, A. (2024). Hubungan penguasaan teknologi dalam pengajaran Bahasa Melayu secara dalam talian terhadap kemahiran mendengar dan bertutur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(4), e002491. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i4.2491>
- Mohd Yusoff, Y., Kasdan, J., & Jalaluddin, N. H. (2023). Analisis keperluan terhadap pengguna sasaran Kit Pembelajaran Bahasa Melayu (KPBM) untuk penutur asing. *Jurnal Melayu Sedunia*, 6(1), 80–100. <https://doi.org/10.22452/melayusedunia.vol6no1.6>
- Mohd Zaid, N., & Mohamad, F. (2010). *Pembangunan modul multimedia interaktif menggunakan pendekatan pembelajaran berasaskan senario bagi tajuk pembangunan perisian multimedia berasaskan CD-ROM*. Universiti Teknologi Malaysia. [https://eprints.utm.my/11329/1/Pembangunan_Modul_Multimedia Interaktif_Menggunakan_Pendekatan_Pembelajaran_Berasaskan_Senario_Bagi_Tajuk_Pembangunan_Perisian_Multimedia_Berasaskan_Cd.pdfutm](https://eprints.utm.my/11329/1/Pembangunan_Modul_Multimedia_Interaktif_Menggunakan_Pendekatan_Pembelajaran_Berasaskan_Senario_Bagi_Tajuk_Pembangunan_Perisian_Multimedia_Berasaskan_Cd.pdfutm)
- Muhd Zulkipli, N. Z., Jamaluddin, N., Lambri, A., & Zaini, M. F. (2025). Tinjauan literatur sistematik berkaitan pengajaran budaya Melayu dalam pengajaran Bahasa Melayu untuk penutur asing. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 16(1), 237–242. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.1.20.2025>
- Osman, J., Mohamad, J. B., Ahmad, A. N., & Razali, J. R. (2018). Strategi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa di Universiti Malaysia Pahang. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 9, 61–79. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol9.6.2018>
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative research and evaluation methods* (3rd ed.). SAGE Publications. [1, 2]. <https://www.sagepub.com/shop/buy-a-book/qualitative-research-evaluation-methods-4-232962>
- Sawir, E., Marginson, S., Deumert, A., Nyland, C., & Ramia, G. (2008). Loneliness and international students: An Australian study. *Journal of Studies in International Education*, 12(2), 148–180. <https://doi.org/10.1177/1028315307299699>
- Tuah, Dilah. (2018). Mengajar Bahasa Melayu kepada Pelajar Antarabangsa di Universiti Malaysia Sarawak: Pengalaman dan Cabaran dalam *Pengajaran Bahasa, Budaya dan Pendidikan (pp.83-98)* Publisher: Institut Terjemahan & Buku Malaysia. https://www.researchgate.net/publication/352834358_Mengajar_Bahasa_Melayu

_kepada_Pelajar_Antarabangsa_di_Universiti_Malaysia_Sarawak_Pengalaman_dan_Cabaran

Ya'acob, C. H., Shukeri, N. H. A., & Sairan, M. A. A. (2025). Tahap motivasi pelajar antarabangsa terhadap Bahasa Melayu: Kajian kes Universiti Utara Malaysia. *Quantum Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(4), 460–467. <https://doi.org/10.55197/qjssh.v6i4.798>